

Mahathir akan bertemu Liong Sik dan Ah Lek

UM 13 APR 2002

KOTA BHARU 12 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan bertemu dengan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Liong Sik dan Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek bagi menyelesaikan pertelingkahan antara kedua-dua pemimpin tersebut.

Perdana Menteri berkata, langkah itu dilakukan kerana beliau berpendapat perselisihan yang terjadi antara Liong Sik dan Ah Lek tidak mendatangkan sebarang faedah kepada parti itu dan kerajaan.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, beliau yakin

krisis kepimpinan yang berlaku dalam MCA sekarang boleh diselesaikan melalui rundingan.

Katanya, apa yang berlaku dalam MCA kini hanyalah satu perselisihan faham yang boleh diselesaikan secara damai.

“Saya fikir perselisihan itu tidak mendatangkan faedah, saya percaya mereka boleh menyelesaikannya secara rundingan,” katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan pegawai dan kakitangan Kerajaan Persekutuan di sini hari ini.

Ditanya bilakah beliau akan mengadakan pertemu-

an dengan kedua-dua pemimpin MCA tersebut, Perdana Menteri berkata: “bilalah.”

Dr. Mahathir diminta menengulas kenyataan Ah Lek semalam yang menegaskan dakwaan Liong Sik bahawa hubungan mereka masih baik adalah tidak benar sama sekali.

Menurut Ah Lek, beliau tidak mahu menipu orang ramai mengenai kedudukan sebenar hubungannya dengan Liong Sik dan mengangap semuanya sudah musnah dan berakhir.

Ia merupakan pendedahan terbuka pertama selepas Ah Lek dan Liong Sik bertenta-

ngan’ berhubung pelbagai isu yang menyentuh kepimpinan dan pengurusan MCA sehingga wujud dua kumpulan dalam parti itu.

Ditanya mengenai cadangan Kumpulan B yang diketuai oleh Ah Lek untuk tetap mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) pada 21 April ini, Dr. Mahathir berkata, beliau akan memberitahu Ah Lek dan Liong Sik bahawa tindakan itu bukanlah jalan yang terbaik.

“Saya akan meminta mereka mencari jalan yang lebih baik untuk menyelesaikan masalah bagi mengurangkan konfrontasi,” katanya.